

4 MINIT 19 SAAT *DEALOVA* YANG MENGASYIKKAN

Dr. Indirawati Zahid
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

PENDAHULUAN

Lagu *Dealova* ini merupakan runut bunyi dari filem Indonesia yang mempunyai tajuk yang sama. Menurut berita-berita akhbar tempatan, filemnya pernah ditayangkan di pawagam tempatan tetapi tidak mendapat sambutan dari khalayak, malahan lagu ini sendiri tidak menjadi siulan semasa itu. Walau bagaimanapun apabila lagu ini dinyanyikan oleh salah seorang peserta rancangan realiti Akademi Fantasia 4, dinyanyikan oleh salah seorang peserta mentor yang berduet dengan mentornya dan akhir sekali dinyanyikan oleh Siti Nurhaliza lagu ini meletup-letup popularitinya. Apa istimewanya lagu ini sehingga apabila dinyanyikan oleh penyanyi nombor 1 negara baharulah lagu ini meletup di kalangan khalayak pendengar. Mungkin bukan kerana Siti lagu ini meletup tetapi secara kebetulan kehadiran lagu ini tepat pada masanya apabila semasa itu Siti dalam proses menamatkan zaman solonya. Persoalannya mengapa lagu ini terlalu lambat dapat menembusi pasaran lagu Malaysia? Adakah kerana terlalu banyak banjir lagu dari Indonesia sehingga terpinggir lagu ini buat sementara waktu atau kurangnya publisiti yang diberikan kepadanya atau mungkin juga kerana pelakon-pelakon filem ini agak asing di Malaysia?. Terlalu banyak jawapan yang boleh diberi dan ini menjadikan persoalan ini sangat subjektif untuk dijawab. Dan jika faktor penyanyinya yang dipersoalkan, perkara ini boleh diragui kerana penyanyi lagu ini merupakan ahli kumpulan Dewa yang dapat dikatakan terkenal juga di Malaysia.. Apa yang pasti apabila dinyanyikan oleh mereka yang tersebut di atas di media elektronik, populariti lagu ini meningkat apabila khalayak mula menghayati lirik dan melodi lagu ini.

Lagu yang bertemakan cinta ini tidak bererti khalayak yang menggemarinya perlu berada dalam suasana percintaan, sedang atau akan. Keindahan lagu yang mengasyikkan ini dikongsi bersama oleh semua orang tanpa mengira usia. Waima kanak-kanak yang tidak faham erti cinta yang asyik turut meniti di bibir mereka lirik lagu ini, begitu juga warga emas yang mengikuti perkembangan semasa mengetahui kewujudan lagu ini dalam carta lagu-lagu yang popular⁸¹. Bukan sesuatu yang aneh apabila perkara ini berlaku kerana melodi yang indah, lirik yang bagus mampu menjadi halwa telinga yang menghiburkan selain kadang kala mengimbau nostalgia sesiapa sahaja. Perlu diakui juga kebijaksanaan penulis lirik wajib dikagumi kerana dalam tempoh 4 minit 19 saat, dari mula berdetiknya alunan muzik sehingga tamatnya, mesej kedalaman cinta yang hendak disampaikan dapat disalurkan dengan bilangan perkataan yang sangat terhad, struktur ayat yang mudah dan analogi yang persis. Di sinilah kehadiran garapan yang utuh yang telah meletakkan lagu ini sangat mengasyikkan dan menyentuh perasaan.

DEALOVA : STRUKTUR LIRIK

Seperti kebanyakan khalayak, penulis tidak pernah menonton filem ini malah penulis tidak tahu sejauh mana lirik lagu ini berhubungan dengan tema filem ini. Mungkin apabila menonton filem ini keakraban lirik lagu dan tema filem akan sangat membantu analisis yang akan dilakukan, walau bagaimanapun penulis cukup yakin tidak akan berlaku kepincangan dalam kupasan analisis yang penulis lakukan kerana apa yang penulis lakukan ialah analisis linguistik dari perspektif semantik dan prosodinya.

Meneliti lirik⁸² lagu ini, penulis mendapati lirik lagu ini tidak mempunyai rangkap lirik yang seragam sebagaimana yang tercatat dalam kertas lirik CD runut bunyi filem ini. Struktur liriknya tidak mempunyai kerangka yang tetap kerana ada antara baris-baris liriknya agak panjang dan mengandungi jumlah perkataan yang banyak, iaitu yang maksimumnya 12 perkataan, iaitu *Seperti udara yang kuhela kau selalu ada, selalu adaaa kau selalu adaaa*⁸³ manakala yang paling pendek pula 1 perkataan, iaitu penggunaan kata seru, *Ohh ...*

Struktur yang sebegini rupa bukanlah masalah dalam penghasilan lirik lagu, kerana kewujudan konsep yang dinamakan *poetic license*⁸⁴. Konsep ini merupakan tiket untuk orang-orang seni sebegini berkarya. Apa yang ditekankan dalam penghasilan lirik ialah ketepatan atau kepersisan mesej dalam medan yang sangat terhad dari segi temponya, khalayak sasaran sesebuah lagu itu dan melodi yang dicipta untuknya. Faktor yang mengikat kesemuanya ini pastilah temanya.

Semantik Leksikal : Pemilihan Kata Dalam Dealova

⁸¹ Rakan penulis tidak mengetahui tentang lagu ini dan nama Dealova sebaliknya apabila penulis menanyakan bahagian intro lagu ini kepadanya, rakan ini berkata, "Ohhh? Lagu itu tajuknya Dealova?" Biasa didengar tetapi tidak tahu tajuknya. Keadaan yang sama berlaku kepada penulis, menghayati dan mengagumi keindahan dan keasyikan mendengar lagu ini tetapi tidak mengetahui sama sekali tajuk lagu ini. Hanya apabila heboh diperkatakan, baharulah penulis mencari-cari lagu ini.

⁸² Lirik lagu dilampirkan seperti seadanya yang dicatatkan dalam kertas lirik CD. Walau bagaimanapun lirik ini tepat. Penulis memperbetulkan bahagian-bahagian tertentu.

⁸³ Lihat cara penulisan lirik ini ditandakan di mana kepanjangan nada perlu berlaku dengan deretan huruf "a" dalam perkataan *ada*. Begitu juga untuk kata seruan *Ohh...* yang ditandai dengan deretan huruf "h" dan diikuti dengan tanda noktah sebanyak 3 kali. Dan kata *telah* yang dieja sebagai *tlah* sahaja sebagai menandakan kependekan lafaz.

⁸⁴ License used by a writer or artist to heighten the effect of their work.

(<http://www.wordthrill.com/define/poetic+license/>)

Semantik leksikal merujuk kepada kajian makna pada aras kata. Pada aras kata terdapat konsep-konsep seperti sinonimi, antonimi, homonimi, hiponimi dan sebagainya. Dan apa yang lazim berlaku dalam komunikasi konsep-konsep ini digunakan bagi mencapai objektif komunikasi, iaitu kelancaran dan keberkesanan maklumat yang hendak disampaikan. Hal yang sama berlaku di dalam penulisan lirik yang pastinya medan masa, ruang dan melodinya sangat terhad sedangkan penulis lirik perlu sebijak-bijaknya mengoptimalkan kecendekiannya menulis lirik yang ringkas, persis lagi padat. Kesemua ini juga mengambil kira kesantunan dalam berbahasa apabila mesej yang hendak disampaikan agak sensitif yang menjurus kepada penggunaan analogi-analogi yang tertentu pada aras leksikal mahupun pada aras sintaksisnya.

Dalam *Dealova* yang sangat kelihatan ialah penggunaan konsep sinonimi, iaitu hubungan kesamaan makna yang memperlihatkan pemilihan sejumlah kata dalam kumpulan sinonim dilakukan. Perlu ditekankan di sini tiada kata yang sinonim 100 peratus kerana sejumlah kata yang dikatakan mempunyai hubungan kesamaan makna ini tidak secara tepatnya boleh menggantikan satu kata yang sinonim dengan satu kata sinonim yang lain⁸⁵. Pemilihan kata dari kumpulan yang sinonim ini dilakukan atas tujuan-tujuan yang dinyatakan sebelum ini selari dengan “darjah” kesangatan yang dirujuk dan struktur ekonomis kata mana-mana yang sesuai dan mempunyai nilai kesantunan.

Aspek makna bukan sahaja dapat dilihat pada kesinoniman kata, perbandingan dengan makna sesuatu mesej juga dilakukan atas tujuan yang tertentu.

Jadual di bawah menyenaraikan kesinoniman kata dan pemilihan kata yang berlaku.

Kata Yang Sinonim	Kata Dalam <i>Dealova</i>
merapuh (bahasa Indonesia) ⁸⁶ , lemah, tidak bertenaga, mudah patah	merapuh
letih, lelah (bahasa Indonesia) ⁸⁷ , penat	letih
selalu, sering, sentiasa (senantiasa) kerap, acap kali	selalu
sentuh, cuit	sentuh
memuja, kagum	memuja
sepi, sunyi	sepi
merantai ⁸⁸ , ikat, mengongkong	merantai
seakan-akan, seperti, bagai, umpama	seakan-akan
hela, hirup, menyedut	hela

Manakala perbandingan berdasarkan makna kata dapat dilihat dalam baris lirik yang berikut:

Kau seperti nyanyian dalam hatiku ...
Seperti udara yang kuhela ...

Selain itu terdapat juga penggunaan kata yang menunjukkan situasi yang tidak membenarkan berlakunya pilihan, iaitu penggunaan kata “*hanya*” dan “*tanpa*” dalam lirik lagu. Berikut lirik keseluruhan yang menggunakan kedua-duanya.

⁸⁵ Lihat Palmer, F.R. (1992), *Semantik*, halaman 98-103. Rujuk juga Leech, G. *Semantic*.

⁸⁶ Kata yang lazim diguna di Indonesia.

⁸⁷ Kata yang lazim diguna di Indonesia.

⁸⁸ Mengikat tetapi menggunakan rantai.

*Hanya dirimu yang bisa membuatku tenang
Tanpa dirimu aku merasa hilang dan sepi*

Penulis lirik menekankan mesej kepentingan kewujudan orang yang dikasihi itu sehingga jika tiadanya orang yang dirujuk ini maka akan menimbulkan masalah yang besar.

PROSODI : FITUR PROSODI DALAM DEALOVA

Ternyata sekali fitur-fitur prosodi yang dipersepsikan oleh khalayak yang mendengar akan bersetuju bahawa dalam penyampaian lagu ini unsur-unsur seperti kelangsingan suara, intonasi yang menaik-turun, menurun-naik, kepanjangan, tekanan dan sebagainya dapat dikenal pasti. Penggunaan kesemua fitur-fitur ini tidak dilakukan sewenang-wenangnya sebaliknya berobjektif tertentu⁸⁹.

Dalam ilmu linguistik, khususnya fonetik artikulatori, bunyi-bunyi vokal bersifat silabik⁹⁰ berbanding dengan bunyi konsonan dan bunyi diftong. Atas pernyataan ini ternyata yang ketara lafaz bunyinya ialah bunyi-bunyi vokal misal bunyi [a] dalam kata *ada, karena, hanya, tanpa* dan sebagainya. Dan kebetulan pula kata-kata ini dilafazkan dengan tekanan, kelantangan bunyi, intonasi menaik-menurun dan kepanjangan yang menambah jelaskan mesej yang hendak disampaikan⁹¹. Seperti yang dinyatakan pada bahagian awal, kesemua ini mempunyai fungsi-fungsinya yang tertentu.

ANALISIS FITUR PROSODI

Analisis ke atas lirik lagu *Dealova* tertumpu pada perulangan kata yang terdapat dalam setiap kesatuan maklumat dan kata yang merujuk kepada penolakan pilihan daripada berlaku, iaitu kata *hanya* dan *tanpa* untuk mendapatkan rasional penggunaan fitur-fitur prosodi ini berdasarkan maknanya yang dirujuk. Sehubungan dengan itu, lirik *Dealova* dibahagikan kepada 5 kesatuan maklumat seperti yang terdapat dalam lampiran.

Analisis tempo, kelangsingan dan kelantangan suara yang pelbagai ini dilihat dalam hubungannya pada lokasi kata-kata tersebut dalam sesuatu kesatuan dan fungsinya, iaitu sama ada sebagai pengenalan sesuatu maklumat baru, penanda kepada maklumat lama, bertujuan penekanan maklumat yang diulang dan penanda kepada penamatan maklumat.

Analisis bermula pada kesatuan ke-2⁹², diikuti ke-4 dan ke-5. Dalam kesatuan ke-2, kata yang dianalisis ialah *selalu*, ke-4, kata *hanya, tanpa* dan *dirimu*, dan yang ke-5, kata *selalu ada*. Jadual di bawah memperlihatkan tempo masa, kelangsingan (Fo) dan Kelantangan suara (intensiti).

Kesatuan	Kata	Tempo (s)	Fo (Hz)	Intensiti ⁹³ (dB)	Lokasi	Fungsi
2	Selalu	0.108	86	1.690	Pertama	Maklumat baru
	Selalu	0.894	86	3.396	Kedua	Maklumat lama

⁸⁹ Rujuk Couper-Kuhlen, E, *An Introduction To English Prosody*.

⁹⁰ Bunyi yang menjadi puncak kelantangan dalam sesuatu suku kata.


⁹¹ Rujuk Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar, *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*.

⁹² Tiada data yang dianalisis dalam kesatuan 1.

⁹³ Nilai dB pertama pada nilai 86Hz untuk melihat kelantangan keseluruhan perlu dilihat catatan nilai keseluruhan dB. Apabila dilihat keseluruhan baharulah dapat dilihat Fo berkadar langsung dengan dB.


4	Hanya	2.27	86	2.938	Pertama	Maklumat baru, tarik perhatian.
	Tanpa	2.35	86	2.274	Kedua	Maklumat lama, kesinambungan dari yang pertama.
	Dirimu	1.911	86	3.293	Pertama	Maklumat baru.
	Dirimu	1.792	86	2.947	Kedua	Maklumat lama, penekanan maklumat.
5	Selalu ada	3.592	86	4.650	Pertama	Maklumat baru. Maklumat lama Penekanan
	Selalu ada	4.191	86	5.109	Kedua	
	Selalu ada	4.534	86	3.551	Ketiga	
	Selalu ada	4.191	86	2.864	Keempat	Penanda kepada penamatan maklumat, tempo memendek.
	Selalu ada	4.020	86	2.007	Kelima	
	Selalu ada	1.686	86	3.212	Keenam	
	Selalu ada					
Selalu ada						
Selalu ada						

Lihat grafik di bawah yang menunjukkan osilogram⁹⁴ dalam lirik Dealova *Aku ingin menjadi sesuatu yang selalu bisa kau sentuh, aku ingin kau tahu bahawa ku selalu memujamu ...*. Lihat perulangan kata *selalu* dalam lirik ini yang mencatatkan perbezaan tempo lafaz, iaitu *selalu* yang pertama 0.5977 – 0.7060s (0.1083s) dan *selalu* yang kedua, 16.050s – 16.944s (0.894s)




Spektrum kata *selalu* yang pertama seperti yang berikut:

⁹⁴ Gelombang bunyi



Spektrum kata selalu yang kedua seperti berikut;



Dan bacaan kelangsingan dan kelantangan suara yang digunakan semasa melafazkan kedua-duanya adalah seperti berikut;

<u>Selalu Pertama</u> (0.108s)		<u>Selalu Kedua</u> (0.894s)	
Frequency (Hz)	Level (dB)	Frequency	Level (dB)
86.132813	1.630073	86.132813	
3.396470			
172.265625	0.734422	172.265625	-0.192727
258.398438	-0.001557	258.398438	-
0.1821971			
344.531250	-6.638562	344.531250	-
3.918501			
430.664063	-1.456810	430.664063	
-3.567643			
Akhir			
21877.734375	-91.760475	21877.734375	-93.096992
21963.867188	-91.968300	21963.867188	-93.010391

Perbezaan kelangsingan dan kelantangan suara yang dikira berdasarkan formula $F_0=1/T$, iaitu frekuensi berkadar songsang dengan masa manakala kelantangan suara pula akan berkadar terus dengan F_0 .

Nilai-nilai angka⁹⁵ yang diperlihatkan menunjukkan bahawa si penyanyi menyanyikan sesebuah lagu dengan nilai kelangsingan dan kelantangan yang berbeza bergantung pada mesej yang ditekankan dalam lirik dengan disesuaikan dengan tempo melodi sesebuah lagu. Dari perspektif linguistik kesemua fitur-fitur ini berobjektif tertentu seperti maklumat baru, penekanan maklumat untuk menarik perhatian khalayak dan boleh sahaja sebagai penanda kepada pengakhiran sesuatu maklumat⁹⁶.

HOLISTIKNYA *DEALOVA*

Meneliti lirik *Dealova* secara holistik, lagu ini mencakupi aspek abstrak dan konkritnya. Hubungan abstrak kepada konkrit dinyatakan dengan *mimpi indah* kepada *sesuatu yang bisa kau sentuh*. Ungkapan ini secara langsungnya menggambarkan senario dalam keadaan tidur dan jaga. Situasi ini selanjutnya dikaitkan dengan jarak, iaitu jauh dan dekat apabila penulis lirik menggunakan masing-masingnya kata *rindu* dan *sentuh*. Kedua-dua kata ini merangkumi makna kata jarak bagi rindu sama ada dalam jarak dekat ataupun jauh yang penting jarak dekat ini merujuk kepada tidak kelihatan di depan mata yang memungkinkan rasa rindu itu timbul. Manakala jarak dekat berbanding dengan yang tidak kelihatan/nampak diwakili dengan kata *sentuh*. Hubungan yang sangat mendalam ini dikaitkan dengan organ dalam tubuh, iaitu *hati* yang sekiranya organ ini tiada, seseorang manusia itu pasti akan mati. Kelangsungan hidup dihubungkan dengan nyanyian dalam hati dan udara yang dihirup. Seperti yang dinyatakan, hati merupakan organ dalam tubuh yang dibawa ke mana-mana pun dan kekasih yang dirujuk itu dikatakan seperti nyanyian dalam hati sendiri dan tidak berada di luar diri penulis lirik. Kepentingan dan keperluan orang yang dirujuk sebagai kekasih ini selanjutnya dikaitkan dengan udara yang juga merupakan sejenis gas yang dikategorikan sebagai "gas mesti", iaitu yang mesti ada untuk memastikan seseorang itu dapat terus hidup. Inilah kekuatan lirik lagu ini yang cukup menekankan kewujudan orang yang disayangi itu.

Selain analogi yang dipilih sesuai dengan mesej, perulangan beberapa ungkapan dalam lirik ini seperti kata *selalu, bisa, selalu ada, dirimu* menekankan mesej yang dinyatakan. Ini diperkukuh dengan penggunaan kata yang tidak membenarkan pilihan berlaku, iaitu *hanya* dan *tanpa*.

Rumusannya, tanpa orang yang dirujuk sebagai kekasih ini, penulis lirik menyatakan dirinya lemah, tidak bertenaga, sunyi-sepi, terasa diri dipenjarakan (dirantai), tidak tenang dan terasa hilang arah atau tujuan. Justeru penulis lirik menjadi mimpi indah, menjadi objek yang selalu dirindu, selalu disentuh kerana kekasih hati yang dirujuk itu umpama seperti nyanyian dalam hatinya, menghiburkan dan udara yang disedut untuk terus hidup. Penulis lirik menunjukkan bahawa kekasih hatinya itu telah pun menjadi sebahagian daripada hidupnya yang dipuja-pujanya selalu.

KESIMPULAN

Kecendekiaan penulis lirik lagu ini berjaya membuai perasaan khalayak pendengar kata-kata yang tidak kesemuanya puitis. Dalam tempoh 4 minit 19 saat, segala mesej terungkap dengan pemilihan kata, analogi yang digunakan seterusnya disampaikan dengan fitur-fitur prosodi yang tertentu. Tidak dapat dinafikan melodi

⁹⁵ Dilampirkan analisis yang berbaki perulangan ungkapan *Selalu ada* yang berulang sebanyak 6 kali pada bahagian korus, kesatuan 5 dalam lirik.

⁹⁶ Rujuk tesis Ph.D Zuraidah Md. Don(1996).

lagu ini memikat tetapi perlu ditekankan di sini ketepatan pemilihan kata, analogi dan cara penyampaian (penghayatan) termasuk suara penyanyi saling melengkapi antara satu sama lain. Penyatuan kesemua ini menjadikan *Dealova* sangat mengasyikkan. Apabila berjayanya sesebuah lagu itu menarik perhatian khalayak dengan keamatan hubungan yang diperkatakan, maka dapat diandaikan lagu tersebut telah berjaya dalam kelasnya yang tersendiri. Inilah lestari bahasa yang perlu ada agar nilai estetika bahasa tidak pudar ditelan zaman.

Rujukan

Couper-Kuhlen, E. 1986. *An Introduction To English Prosody*. Edward Arnold: London.

<http://www.wordthrill.com/define/poetic+license/>

Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar, 2006. *Fonetik dan Fonologi Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.

Kamus Dewan, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamus Linguistik, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Palmer, F.R. 1992. *Semantik*. Diterjemahkan oleh Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuraidah Md. Don, 1996. "Prosody In Malay Discourse: An Analysis of Broadcast Interview". Tesis Ph.D, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Dealova

Aku ingin menjadi mimpi indah dalam tidurmu
 Aku ingin menjadi sesuatu yang mungkin bisa kaurindu Kesatuan 1
 Karena langkah merapuh tanpa dirimu
 Ooo...Karena hati tlah letih

Aku ingin menjadi sesuatu yang selalu bisa kau sentuh
 Aku ingin kau tahu bahwa ku selalu memujamu
 Tanpamu sepinya waktu merantai hati Kesatuan 2
 Ohh
 Bayangmu seakan-akan ...

Kau seperti nyanyian dalam hatiku yang memanggil rinduku padamu
 Ohhh
 Seperti udara yang kuhela kau selalu ada Kesatuan 3

Hanya dirimu yang bisa membuatku tenang Kesatuan 4
 Tanpa dirimu aku merasa hilang dan sepinya dan sepi

Kau seperti nyanyian dalam hatiku yang memanggil rinduku padamu
 Ohhhh
 Seperti udara yang kuhela kau selalu ada Kesatuan 4

Kau seperti nyanyian dalam hatiku yang memanggil rinduku padamu (Korus)
 Ohhhh
 Seperti udara yang kuhela kau selalu ada,
 slalu adaaa , kau selalu adaaa

Selalu Ada 1

Frequency (Hz)	Level (dB)
86.132813	4.650434
172.265625	3.599800
258.398438	1.505550
344.531250	-0.679374
21877.734375	-89.632736
21963.867188	-89.923592

Selalu Ada 2

Frequency (Hz)	Level (dB)
86.132813	5.109992
172.265625	2.998258
258.398438	-0.121116
344.531250	-4.323162
21877.734375	-85.252510
21963.867188	-85.205956

Selalu Ada 3

Frequency (Hz)	Level (dB)
86.132813	3.551927
172.265625	1.644039
258.398438	0.609438
344.531250	0.319220
21877.734375	-85.369537
21963.867188	-85.432961

Selalu Ada 4

Frequency (Hz)	Level (dB)
86.132813	2.864713
172.265625	1.015749
258.398438	-1.553986
344.531250	-0.816225
21877.734375	-85.447922
21963.867188	-85.40958

Selalu Ada 5

Frequency (Hz)	Level (dB)
86.132813	2.007304
172.265625	0.383149
258.398438	-1.735408
344.531250	-3.815269
21877.734375	-83.404770
21963.867188	-83.162781

Selalu Ada 6

Frequency (Hz)	Level (dB)
86.132813	3.212087
172.265625	1.750306
258.398438	-2.323669
344.531250	-3.253343
21877.734375	-84.518303
21963.867188	-84.882195